

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status rancangan tebatan banjir persekitaran kawasan LIDO Bandaraya Kota Kinabalu yang berjumlah RM76 juta seperti dalam senarai projek RP4 RMK-11 P.174 Penampang yang diumumkan oleh Jabatan Perdana Menteri pada 18 Februari 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM76 Juta bagi melaksanakan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah untuk dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

2. Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Persekitaran Kawasan Lido Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah ini dalam peringkat memuktamadkan dokumen tender dan dijangka tender kerja fizikal pada awal tahun 2021.

Sekian, terima kasih.